

PERNYATAAN PRINSIP TIADA HADIAH DAN KERAIAN



Tuan/Puan dan Pelanggan UPM yang dihormati,

UPM amat komited dalam membentuk sebuah organisasi yang membudayakan integriti dan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika. Bagi mendukung tiga (3) Nilai Teras yang diamalkan oleh UPM iaitu ihsan, kepelbagaian dan kelestarian, UPM telah melaksanakan Prinsip Tiada Hadiah atau Keraian bagi apa-apa perkhidmatan/kontrak perolehan yang ditawarkan oleh UPM kepada orang awam atau pembekal UPM; dan warga UPM daripada peringkat Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Universiti dan pekerja lain dilarang daripada menerima hadiah atau keraian semasa berurusan dengan tuan/puan atau mana-mana pelanggan UPM.

Sila laporkan kepada Bahagian Governan dan Integriti di alamat Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Pendaftar, Aras 4, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan (e-mel: kb_bgi@upm.edu.my) sekiranya terdapat dalam kalangan warga kerja UPM yang meminta atau cuba mendapatkan apa-apa hadiah atau keraian bagi perkhidmatan/kontrak perolehan UPM semasa tuan/puan berurusan dengan UPM.

Mana-mana staf yang diberi atau yang terpaksa menerima apa-apa hadiah atau keraian daripada orang awam atau pembekal juga hendaklah membuat laporan kepada Bahagian Governan dan Integriti mengenai perihal pemberian hadiah atau keraian itu.

Kami mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama anda.

NAIB CANSELOR

Universiti Putra Malaysia